

Liga Bola Jaringan IPT: Pertembungan tumpuan

DUA pasukan gergasi Lembah Klang, Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Teknologi Mara (UiTM) bakal menjadi tumpuan apabila Liga Bola Jaringan IPT Zon Tengah Selatan, membuka tirainya hari ini.

Ketika ini, UiTM dilihat memiliki kelebihan psikologi selepas menundukkan UPM di suku akhir Sukan Antara IPT (Sukipt) tahun lalu, sebelum muncul naib juara temasya yang julung kali diadakan itu.

Selain kehadiran Rozliana Mohd Ridzuan yang baru dinobatkan sebagai Pemain Terbaik di Terbuka UniMAP baru-baru ini, UiTM juga boleh menyandarkan harapan kepada Nur Aisyah Yahaya, Ain Atikah Roslan dan Tuan Nor Farhah Tuan Pa, bagi menangani saingan pencabar utama mereka.

Namun, UPM pasti mahu menggunakan kelebihan beraksi di laman sendiri sebagai medan membalas kekecewaan lalu dan tentunya gelaran juara zon adalah pengubat duka terbaik buat mereka, apalagi beraksi di gelanggang sendiri.

UPM pasti mengharapkan sentuhan pemain kebangsaan seperti NurAin Omar, Aziemah Abdul Aziz dan Nor Shamilia Samsudin untuk memadamkan ego UiTM.

Dengan kedudukan dua pasukan teratas hampir pasti menjadi rebutan UiTM dan UPM, lima lagi pasukan akan berentap untuk mencari dua lagi tiket terakhir ke peringkat Grand Final di Universiti Malaya di jadual pada 8 hingga 12 Mei depan.

Lima pasukan itu adalah Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Malaysia Sarawak (UniMAS), Taylor Universiti ('Taylor's'), Kolej Darul Quran (KUDQ), dan Universiti Kuala Lumpur (UniKL-BMI).